

Tinta BADAR

TERKINI!
Bil :

3



BADAN DAKWAH DAN ROHANI (BADAR) UTeM

23 Safar 1432H / 28 Januari 2011

Sampaikan Walau Hanya Satu Ayat

HADIS MINGGUAN

HADIS:

Baginda Rasulullah s.a.w. pernah menegaskan dalam salah satu hadisnya yang bermaksud : **Bersegeralah lakukan amalan-amalan yang baik-baik (jika ia di waktu siang jangan tunggu hingga menjelang malam yang gelap gelita), kerana ia akan menimbulkan fitnah, seperti seorang lelaki di mana pada waktu pagi dia seorang muslim dan apabila menjelang petang atau malam dia menjadi seorang kafir pula, dia menjual agama kerana kepentingan dunia yang terlalu sedikit.**- Hadis Sohih riwayat Imam Ahmad, Muslim dan Tirmizi daripada Abu Hurairah.

HURAIAN:

Apa yang dijelaskan oleh baginda Rasulullah s.a.w. menerusi hadis di atas ialah terdapat orang Islam sendiri yang melakukan fitnah dengan tindakannya terhadap agamanya sendiri semata-mata mengecapi habuan dan janji dunia yang bersifat sementara, sedangkan fitnah yang dilakukannya benar-benar mencabar agama yang dianutinya dan menjadi bahaya kepada pegangan akidah dan kepercayaan kepada Allah SWT selaku Pencipta alam maya ini.

Fitnah yang terjadi itu boleh berlaku kerana orang yang terlibat itu sama ada benar-benar tidak memahami atau memiliki ilmu-ilmu fardu 'ain ataupun kerana berhasrat meraih kepentingan dengan penampilan agama, atau memang di kalangan orang-orang munafiq, ketiga-tiga kategori manusia itu dianggap golongan yang jahat kerana mahu memburukkan Islam.

MUTIARA KATA

SUMBER:
Muslimdiary.com

” Jangan sampai sesuatu terasa bagimu sebesar-besarnya sesuatu dosa itu, hingga merintangimu daripada bersangka baik kepada Allah SWT, sebab barang siapa yang benar2 mengenal Allah akan merasa kecil dosanya apabila dibandingkan dengan keluasan rahmat-Nya”

RENUNGAN..



Ambillah waktu untuk berfikir, itu adalah sumber kekuatan.

Ambillah waktu untuk bermain, itu adalah rahsia dari masa muda yang abadi.

Ambillah waktu untuk berdoa, itu adalah sumber ketenangan.

Ambillah waktu untuk belajar, itu adalah sumber kebijaksanaan.

Ambillah waktu untuk mencintai dan dicintai, itu adalah hak istimewa yang diberikan Tuhan.

Ambillah waktu untuk bersahabat, itu adalah jalan menuju kebahagiaan.

Ambillah waktu untuk tertawa, itu adalah muzik yang menggetarkan hati.

Ambillah waktu untuk memberi, itu adalah membuat hidup terasa bererti.

Ambillah waktu untuk bekerja, itu adalah nilai keberhasilan.

Ambillah waktu untuk beramal, itu adalah kunci menuju syurga.

ASSALAMUALAIKUM WARGA UTEM terutamanya yang bergelar MAHASISWI!!!

Ada sesuatu yang menarik menanti anda, setiap hari jumaat, bermula 11 feb 2011, kami akan menyediakan satu slot yang dikenali sebagai FATAYAT.

*Antara aktiviti-aktiviti yang menarik:
TAYANGAN VIDEO - TAZKIRAH - JUALAN*

Jom RAMAI-RAMAI!!! =)

-EDARAN RISALAH



MENJUAL PAKAIAN MENDEDAH AURAT?? APA HUKUMNYA?

Soalan

Apakah hukum pereka dan penjual fesyen wanita muslim yang tidak menutup aurat?.

Jawapan:

Pada zaman mutakhir memang sukar mencari kerjaya yang 100% halal. Islam telah memberi jalan keluar terhadap cabaran ini. Pertama, pastikan anda tidak melakukan dosa-dosa besar kerana: "Jika kamu menjauhkan dosa-dosa besar yang dilarang kamu melakukannya, Kami akan ampunkan kesalahan-kesalahan (dosa kecil) kamu, dan kami akan masukkan kamu ke tempat yang mulia (syurga)." [Surah al-Nisa', ayat 31]. Kemudian perbanyakkan amal kebajikan seperti kerja sukarelawan untuk Islam dan masyarakat kerana: "Sesungguhnya amal-amal kebajikan menghapuskan kejahatan (dosa besar yang kamu lakukan)." [Surah Hud, ayat 114]



SUKAR UNTUK MEMAAFKAN...

Soalan:

Bagaimana hendak memaafkan orang lain? Saya sehingga kini sukar untuk memaafkan seseorang itu atas apa yang telah dia lakukan kepada saya.

Maslim, Sungai Buluh, Selangor.

Jawapan:

Ingatlah kepada Allah, di mana salah satu nama Allah ialah *al-'Afuw* – Yang Maha Pemaaf. Jika Allah yang Maha Agung, Maha Besar, Maha Kaya dapat memaafkan hamba-hamba-Nya, maka kenapakah kita sesama hamba tidak boleh saling memaafkan? Maaflah orang itu dan pohonlah kepada Allah agar anda diberi kekuatan minda, kebersihan hati, keikhlasan jiwa dan sifat *tawaddhu'* (rendah diri) untuk memaafkannya.

Ya Allah, time ni la rasa nak kentut...



Soalan

Ketika solat saya terasa hendak kentut. Apakah yang patut saya lakukan?

Jawapan:

Rasulullah SAW bersabda: "Jangansolat ketika makanan sudah dihidangkan, jangan solat ketika didesak dengan urusan buang air kecil atau buang air besar." [Shahih Muslim, no: 560] Kentut termasuk dalam urusan buang air besar, maka ia terbahagi kepada beberapa suasana:

Pertama, jika sebelum mendirikan solat dan hendak kentut, maka kentutlah kemudian berwudhu' dan mulakan solat. Kedua, jika sedang solat lalu hendak kentut, sementara hendak itu tidak mengganggu keharmonian solat, teruskan solat. Jika ia mengganggu keharmonian, seperti tidak khusyuk atau menjadi tergesa-gesa, maka hentikan solat, kentut, ambil wudhu' dan mulakan solat sekali lagi.

Ketiga, seperti mana suasana pertama atau kedua di atas namun waktu solat sudah hampir luput, maka tahanlah kentut dan mulakan atau teruskan solat.

"Jom clubbing malam ni. Kita pergi minum-minum jer," kata Ah King Kong kepada Asmadol.

"Tak mau la, aku mana boleh. Kau tak pe la," balas Asmadol menolak perlawanan Ah King Kong.

Sebagai muslim, dia tidak mahu terjerumus ke lembah hina. Di Kelab malam, macam-macam jenis syaitan bertopengkan manusia ada. Ada yang bertanduk, yang tak bertanduk pun ada juga.

"Ala kita bukan minum arak. Kita minum coke je, jom la," Ah King Kong masih tidak berputus asa mengajak seorang umat Muhammad ke tempat jin menari.

"Ermmm. Aku tak beranilah. Nanti mak aku marah. Lagipun aku mana pernah pergi kelab malam ni," kata Asmadol mahu melepaskan diri.

"Ala, sape nak bagitau mak kau. Mak kau mana tahu kalau kau sendiri tak bagitahu. Lagipun malam ni aku dah janji dengan kawan. Tak bestlah kalau aku pergi sorang, diorang datang berdua takkan aku nak datang seorang saja" Ah King Kong memasukkan jarum karatnya.

"Ermmm. Ok. Tapi kena janji tak minum arak ok," balas Asmadol mempersetujui ajakan Ah King Kong dengan syarat.

Itu hanyalah perbualan rekaan saya sahaja. Tapi sering berlaku dalam dunia akhir zaman ni. Non Muslim (Yahudi) tak jemu-jemu nak memasang perangkap untuk kita, namun kita masih belum sedar dan masih mudah terpengaruh. Macam-macam agenda yang mereka cuba serapkan. Salah satunya adalah kelab malam.

Apakah hukumnya masuk ke kelab malam?

Hukumnya tidak berdosa jika masuk ke dalam kelab malam yang kosong (maksudnya hanya signboard kelab malam) tapi mana ada kelab malam macam tu, kalau kelab malam yang baru nak beroperasi mungkin tapi selalunya signboard akan dipasang paling akhir. **Hukumnya adalah haram dan berdosa.** Ya, haram dan berdosa walaupun tidak minum arak. Tapi cawan yang digunakan itu keberangkalian untuk digunakan untuk air-air lain (arak) adalah 90 %. Rajin ke diorang nak buat cawan asing-asing ni? Ermmm.. sendiri mau ingatlah. Nauzubillah.

Ermmm, kalau dah namanya kelab malam mesti ada perempuan-perempuan miskin dan lelaki-lelaki kaya yang tak cukup akal. Kenapa saya kata dekat kelab malam ada ramai perempuan-perempuan miskin dan lelaki-lelaki kaya yang tak cukup akal? Haaaaaaa.. Laser kan saya ni?? Maafkah kalau ada yang terasa. Saya cakap hakikat je. Nanti ada pulak yang cakap, kubur masing-masing lah yang kau sibuk sangat apesal??

Haihhh, memanglah kubur asing-asing tapi nanti sapa yang nak gali kubur, nak mandikan jenazah, nak solatkan jenazah? Jenazah tu sendiri ke? Kalo jenazah tu boleh buat sendiri mau bertempiran orang kampung lari. Saya juga tak terkecuali akan lari. Lagipun kalau kubur sekali boleh jugak la nak tolong-menolong di alam kubur, tapi kalau dah asing-asing duduklah sorang-sorang dan diam-diam dalam tu. Kata-kata ini lebih berupa peringatan kepada diri saya sendiri.

Perempuan miskin dan lelaki kaya tak cukup akal? Kenapa?

Kembali kepada topik perempuan miskin dan lelaki kaya tak cukup akal. Perempuan-perempuan miskin yang dimaksudkan adalah mereka yang tak cukup duit nak beli kain lebih buat baju. Kalau diorang ni kaya pun mungkin kedekut agaknya. Tapi sepasang pakaian yang menutup seluruh tubuh takdelah mahal pun. Harga mampu beli. Lelaki-lelaki kaya yang tak cukup akal pula sebab menghabiskan duit pada perempuan-perempuan miskin tadi. Maksudnya sugar daddy. Pahala atau dosa tu hak Allah jadi saya tak mahu ulas pasal tu. Cumanya kalau duit tu disalurkan ke baitulmal ke ada jugak baiknya. Saham akhirat tu.

Bila dah masuk ke dalam kelab malam mesti la ada bunyi bising (lagu). Bunyinya masyaAllah membingitkan telinga. Macam mana saya tahu? Opsss. saya pernah masuk ke??? Ish, Ish, Ish, saya tak pernah masuk, cuma dengar orang cakap. Tapi cakap yang boleh dipercayai. Ayah kepada member saya merupakan seorang polis bahagian narkotik jadi ada satu ketika tu ayahnya turut serta dalam serbuan di kelab malam. Nak tangkap pusher (pedagang dadah). Kawan saya cerita ayah dia beritahu keadaan bising di kelab malam sampai macam nak pekak telinga, patutla orang yang masuk ke dalam kelab malam akan mengambil pil ecstasy sebabnya untuk khayal dan tak terasa bingit telinga.

Masuk ke tempat jin menari ni mengundang padah. Malaikat di sebelah kiri dah sedia dengan buku catatan manakala malaikat di sebelah kanan pula hanya duduk bersenang-senang. Nasib tak baik, polis buat serbuan, bermalam la dalam lokap. Nasib lebih tak baik, azab Allah di akhirat kelak. Nauzubillah.

Sebagai renungan bersama. Jauhilah perkara-perkara mazmumah dan perkara-perkara yang boleh menyebabkan malaikat di sebelah kanan berehat panjang. Kita kena bagi malaikat di sebelah kanan ni buat kerja banyak sikit catat amal kebaikan dan malaikat sebelah kiri duduk bersenang-senang. Nasihat untuk diri saya dan juga teman-teman lain yang membacanya. =)

Tokoh kita ini biasa berpuasa sunat tiga hari setiap awal bulan Qamariah (bulan Arab dalam penanggalan Hijri), mengisi malam harinya dengan membaca Al-Quran dan salat tahajud. Akrab dengan kemiskinan, dia sering mengikatkan batu ke perutnya, guna menahan lapar. Dalam sejarah ia dikenal paling banyak meriwayatkan hadis. Dialah Bapak Kucing Kecil (Abu Hurairah), begitu orang mengenalnya. Kenapa ia dikenal sebagai “Bapak Kucing”? Di waktu jahiliyah namanya dulu Abdu Syamsi ibn Shakhr Ad-Dausi, dan tatkala ia memeluk Islam, ia diberi nama oleh Rasul dengan Abdurrahman. Ia sangat penyayang kepada binatang dan mempunyai seekor kucing, yang selalu diberinya makan, digendongnya, dibersihkannya dan diberinya tempat. Kucing itu selalu menyertainya seolah-olah bayang bayangnya. Inilah sebabnya ia diberi gelar “Bapak Kucing”.



TARIKH	HARI	SUBUH	SYURUK	ZOHOR	ASAR	MAGH-RIB	ISYAK
24-1-2011	Isnin	6:02	7:22	13:24	16:47	19:24	20:37
25-1-2011	Selasa	6:02	7:22	13:25	16:47	19:24	20:37
26-1-2011	Rabu	6:02	7:22	13:25	16:47	19:24	20:37
27-1-2011	Khamis	6:03	7:23	13:25	16:47	19:25	20:37
28-1-2011	Jumaat	6:03	7:23	13:25	16:47	19:25	20:37
29-1-2011	Sabtu	6:03	7:23	13:26	16:47	19:25	20:37
30-1-2011	Ahad	6:03	7:23	13:26	16:47	19:25	20:37



AKHLAK

oleh **Ustadz KH. Nadirsyah Hosen**

Setelah Nabi sallallahu ‘alayhi wasallam wafat, seketika itu pula kota Madinah bising dengan tangisan ummat Islam; antara percaya – tidak percaya, Rasul Yang Mulia telah meninggalkan para sahabat. Beberapa waktu kemudian, seorang arab badui menemui Umar dan dia meminta, “Ceritakan padaku akhlak Muhammad!”. Umar menangis mendengar permintaan itu. Ia tak sanggup berkata apa-apa. Ia menyuruh Arab badui tersebut menemui Bilal. Setelah ditemui dan diajukan permintaan yg sama, Bilal pun menangis, ia tak sanggup menceritakan apapun. Bilal hanya dapat menyuruh orang tersebut menjumpai Ali bin Abi Thalib.

Orang Badui ini mulai hairan. Bukankah Umar merupakan seorang sahabat senior Nabi, begitu pula Bilal, bukankah ia merupakan sahabat setia Nabi. Mengapa mereka tak sanggup menceritakan akhlak Muhammad sallallahu ‘alayhi wasallam. Dengan berharap-harap cemas, Badui ini menemui Ali. Ali dengan linangan air mata berkata, “Ceritakan padaku keindahan dunia ini!”. Badui ini menjawab, “Bagaimana mungkin aku dapat menceritakan segala keindahan dunia ini...” Ali menjawab, “Engkau tak sanggup menceritakan keindahan dunia padahal Allah telah berfirman bahawa sungguh dunia ini kecil dan hanyalah senda gurau belaka, lalu bagaimana aku dapat melukiskan akhlak Muhammad sallallahu ‘alayhi wasallam, sedangkan Allah telah berfirman bahawa sungguh Muhammad memiliki budi pekerti yang agung! (QS. Al-Qalam[68]: 4)”

Badui ini lalu menemui Saidatina Aisyah r.a. Isteri Nabi sallallahu ‘alayhi wasallam yang sering disapa “Humairah” oleh Nabi ini hanya menjawab, “khuluquhu al-Qur’an” (“Akhlaknya Muhammad itu Al-Qur’an”). Seakan-akan Aisyah ingin mengatakan bahawa Nabi sallallahu ‘alayhi wasallam itu bagaikan Al-Qur’an berjalan. Badui ini tidak puas, bagaimana boleh ia segera menangkap akhlak Nabi kalau ia harus melihat ke seluruh kandungan Qur’an. Aisyah akhirnya menyarankan Badui ini untuk membaca dan menyemak Surah Al-Mu’minun : 1-11.

Bersambung.....

Bahagian Penerangan dan Penerbitan BADAR UTEm 2011

Editor : Nurul Atiqah, Pembantu Editor: Faizah Che Long

Sebarang sumbangan artikel, pandangan, karya, atau komen bolehlah diemalkan ke badarutem@yahoo.com atau layari blog alternatif kami di badarutem2011.blogspot.com